

TR 2:3:61

UCAPAN TIMBALAN PERDANA MENTERI  
TATKALA MEMBUKA PERTANDINGAN MEM-  
BACA QURAN PERINGKAT KEBANGSAAN DI  
STADIUM MERDEKA PADA 7HB MAC, 1961

Tuan Pengerusi, Tuan-tuan Yang Terutama, Yang Berhormat Menteri-menteri, Daif-daif yang Terhormat, tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

Saya merasa sangat bertuah dan mengucapkan syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wataala kerana dapat turut hadir ke Majlis Pertandingan Membaca Al-Quran Peringkat Kebangsaan dan Peringkat Antarabangsa yang dimulai pada malam ini. Sebagaimana tuan-tuan dan puan-puan maklum bahawa pertandingan membaca Al-Quran yang diadakan pada malam ini adalah merupakan sambungan dari cita-cita kita pada tahun yang lalu dan dengan izin Allah kita teruskan kepada tahun-tahun yang hadapan lagi.

Pertandingan membaca Al-Quran pada tahun ini saya percaya adalah lebih meriah dan lebih besar lagi daripada tahun yang lalu, kerana pada tahun ini bukan sahaja qari-qari dan qariah-qariah dari dalam negeri yang mengambil bahagian akan tetapi ada juga qari-qari dari luar negeri bersama-sama mengambil bahagian dalam Pertandingan Peringkat Antarabangsa ini. Kepada peserta-peserta dan ketua-ketua dan ahli-ahli rombongan dari luar negeri, saya ucapkan selamat datang ke Persekutuan Tanah Melayu, dan saya suka memberi ucapan selamat datang yang istimewa kepada Yang Berhormat Menteri Ugama dari Republic Indonesia yang sendiri turut hadir di Majlis ini. Yang Berhormat Menteri Ugama ini ada membawa bersama-sama dengannya hadiah 200 buah Quran. Saya suka bagi pihak Kerajaan Persekutuan mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepadanya di atas kemurahan hatinya memberi hadiah yang tersebut itu. Kepada semua peserta-peserta, dengan penuh rasa kegembiraan, saya ucapkan selamat mengambil bahagian di dalam pertandingan ini.

Patut juga saya nyatakan di sini bahawa cita-cita hendak mengadakan pertandingan membaca Quran ini adalah terbitnya dari Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj, Perdana Menteri kita, yang ingin melihat Syiar Islam kembali

bersinar cemerlang di dalam tanah air kita yang telah menjadikan Ugama Islam sebagai Ugama Resmi di Persekutuan Tanah Melayu. Tetapi dukacita sedikit kemeriahan Majlis Pertandingan malam ini kurang semeraknya kerana Penaja dan Penganjurnya Y.T.M. Tunku, tidak ada bersama-sama kita, oleh kerana beliau sekarang sedang menjalankan tugas negara di luar tanah air kita.

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

Memandang kepada kejayaan majlis pertandingan Membaca Al-Quran Peringkat Kebangsaan pada tahun yang lalu, maka Y.T.M. Tunku telah bercita-cita pula supaya di samping kita mengadakan Pertandingan Peringkat Kebangsaan, maka kita mengadakan juga Pertandingan Peringkat Antarabangsa. Pada mulanya kita bercadang hendak menjemput jiran-jiran tetangga Negara kita di Tenggara Asia ini sahaja supaya dapat bersama mengambil bahagian dalam Pertandingan Peringkat Antarabangsa, akan tetapi dengan tidak disangka-sangka bahawa Negara saudara Islam kita yang lain telah turut sama menyambut cadangan kita itu, iaitu Negara Republic Arab Bersatu dan Pakistan yang telah menghantar qari-qarinya ke Majlis ini.

Selain dari Negara-negara tersebut, saya mendapat tahu Nigeria dan India pula akan berusaha menghantar qari-qarinya dalam Pertandingan Antarabangsa tahun hadapan. Oleh itu melihat kepada sambutan yang baik dari Negara-negara jiran tetangga dan Negara-negara saudara Islam kita itu, kita sungguh merasa sangat gembira. Oleh yang demikian kita berjanji Insha Allah pada tahun hadapan kita akan menjemput bukan sahaja Negara-negara jiran tetangga tetapi mana-mana sahaja Negara yang mempunyai pengikut-pengikut Islam di seluruh dunia ini untuk mengambil bahagian dalam Pertandingan Membaca Al-Quran Peringkat Antarabangsa.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian, kita sekarang berada dalam bulan Ramadhan, satu bulan yang mulia, kerana pada bulan inilah Quran telah diturunkan kepada junjungan kita Nabi Muhammad S.A.W. menjadi pedoman kepada sekalian manusia. Membaca Al-Quran di mesjid-mesjid dan di surau-surau, juga di rumah-rumah adalah satu daripada cara-cara kita menyambut dan memuliakan bulan ini dari semenjak dahulu lagi.

Di sini patutlah saya nyatakan bahawa tujuan Kerajaan Persekutuan mengadakan Pertandingan Membaca Al-Quran Peringkat Kebangsaan dan Peringkat Antarabangsa itu bukanlah semata-mata hendak mendengar kemerduan suara qari-qari dan qariah-qariah yang mengambil bahagian, tetapi ada mempunyai tujuan yang tinggi dan mulia. Dengan adanya Pertandingan Membaca Al-Quran ini, kita berharap dapat mengasuh dan mengilhamkan ke dalam hati penganut-penganut Islam rasa kasih dan cintakan kepada Al-Quran, kerana rasa kasih dan cinta ini akan menambahkan lagi perasaan ingin mengkaji, ingin mempelajari dan memahami isi kandungan kitab suci Al-Quran itu.

Selain daripada itu dengan adanya Pertandingan Membaca Al-Quran ini juga akan melahir dan menimbulkan perasaan gemar membaca dan menghafaz Al-Quran dalam masyarakat kita, dan dengan ini dapatlah dipelihara dan dipertahankan isi Al-Quran itu dari pengkhianatan punca atau sumber kekuatan Islam itu. Dengan ini dapatlah taraf dan mutu Ugama Islam itu diberi kedudukan yang tinggi.

Pihak Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu pada masa-masa hadapan akan berusaha untuk menggalakkan orang-orang Islam supaya menghafaz Al-Quran kerana ini adalah satu perkara yang boleh memberi menafaat dan faedah di dunia dan juga di akhirat. Saya berdoa moga-moga hasrat dan cita-cita Kerajaan Persekutuan untuk meninggikan Syiar Islam itu akan mendapat petunjuk dan panduan dari Allah Subhanahu Wataala, dan mendapat sokongan dari penduduk-penduduk negeri ini.


Sesungguhnya saya berasa sangat sukacita melihat orang ramai yang hadir mendengar pertandingan ini yang terdiri bukan sahaja daripada kaum muslimin dan muslimat, malahan orang-orang yang berlainan ugama juga hendak mendengar bacaan Quran di dalam Pertandingan ini. Dengan jalan ini terbuktilah eratnya persaudaraan antara rakyat Islam dengan yang beragama lain. Islam ialah ugama persaudaraan, Ugama Keamanan, Ugama yang menjamin kebahagiaan dunia dan akhirat.

Kepada Kerajaan-kerajaan Negeri di Persekutuan Tanah Melayu yang telah menghantar qari-qari dan qariah-qariahnya ke dalam Pertandingan Peringkat Kebangsaan ini, saya ucapkan banyak-banyak terima kasih, begitu juga kepada Kerajaan jiran tetangga Negara-negara lain yang telah menghantar qari-qarinya beserta

dalam Majlis Pertandingan Peringkat Antarabangsa ini, saya ucapkan setinggi-tinggi terima kasih dan berharap moga-moga penghantar-penghantar qari-qari ini akan terus berlaku untuk tahun-tahun hadapan lagi. Kepada Pengerusi dan Ahli-ahli Jawatankuasa yang mengelola Pertandingan ini saya ucapkan sebanyak-banyak terima kasih kepadanya kerana usaha dan tenaga mereka itu mengelolakan Pertandingan yang besar dan mustahak ini.

Dan lagi kepada semua peserta-peserta yang mengambil bahagian dalam Pertandingan ini saya ucapkan sekali lagi selamat datang dan selamat mengambil bahagian di pertandingan ini dan marilah kita bersama-sama berdoa kepada Allah Subhanahu Wataala memohon taufik dan hidayah.

Dengan ini saya dengan amat sukacitanya mengistiharkan Majlis Pertandingan Al-Quran ini dimulakan.



**Tun Abdul Razak sedang membuka paip air di Kampung Sungei Gumut. Kelumpang, ketika lawatan beliau melihat Rancangan-rancangan Pembangunan Luar Bandar di Daerah Ulu Langat, Selangor pada 15hb Mac, 1961. (Gambar Jabatan Penerangan Malaysia).**